



RAKAN JMG

JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS (JMG) MALAYSIA

KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI (KeTSA)

1.0 KONSEP RAKAN JMG

Penubuhan RAKAN JMG adalah selaras dengan aspirasi nasional dan agenda global dalam menterjemahkan agenda pengurangan risiko bencana dan pengukuhan daya tahan setempat. Inisiatif berimpak tinggi ini juga merupakan komitmen kerajaan Malaysia terhadap pencapaian *Sendai Framework for Disaster Risk Reduction (SFDRR) 2015-2030*, dan pelaksanaan fasa akhir Pelan Induk Cerun Negara (PICN) 2009-2023.

Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) selaku agensi di bawah Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) yang diberi tanggungjawab dalam penyiasatan, pemetaan, penilaian dan pengurusan sumber asli dan risiko bencana geologi seperti tanah runtuh, runtuhan batu, aliran puing, aliran banjir, dan pelbagai jenis risiko bencana berdasarkan geologi.

Dalam usaha pengurangan risiko bencana geologi, pembabitan pelbagai sektor, kepakaran dan komitmen juga adalah manifestasi dari hasrat YAB Perdana Menteri susulan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) pada 12 September 2022 yang menekankan agenda pelaksanaan program Pengurusan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti (CBDRM) dan usaha memperkasakan peranan komuniti sebagai *initial responder* ketika berlakunya bencana. Pemerkasaan komuniti setempat adalah bukti kebertanggungjawaban bersama.

RAKAN JMG adalah sebuah organisasi yang berdaftar dan terdiri daripada pemimpin masyarakat, jaguh tempatan (*local champion*), komuniti terpilih, badan bukan kerajaan (NGO), professional dan separa professional, pihak-pihak berkepentingan yang terlibat dalam membangunkan kesiapsiagaan dan daya tahan komuniti dalam risiko bencana geologi.

Penubuhan RAKAN JMG dilaksanakan di Daerah Yan, Kedah susulan kejadian bencana geologi tanah runtuh dan aliran puing pada 18 Ogos 2021, dan usaha pihak kerajaan memperkasakan peranan komuniti menerusi siri-siri program CBDRM, serta pembangunan MODEL-DRR-YAN yang telah dijadikan penanda aras dan model nasional dalam pengurangan risiko bencana menerusi kenyataan YB Menteri Tenaga dan Sumber Asli pada 26 Jun 2022.

2.0 OBJEKTIF PENUBUHAN RAKAN JMG

Penubuhan RAKAN JMG menuntut komitmen bersama dan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan dalam merealisasikan usaha menterjemahkan pembangunan komuniti secara menyeluruh, kolektif dan bersifat mampan. Idea penubuhan juga harus dilihat dari sudut impak positif jangka masa yang panjang, terutama dalam memperkasakan peranan komuniti pada aspek pengurusan sumber geologi, pembangunan daya tahan komuniti dan mempertingkatkan tahap kesiapsiagaan penduduk yang rentan dalam menghadapi risiko bencana geologi. Penubuhan RAKAN JMG adalah manifestasi komitmen pihak KeTSA menerusi JMG bersama pelbagai pemegang taruh, pihak-pihak berkepentingan, jaguh setempat, dan komuniti yang komited untuk menyumbang peranan dan sumbangan dalam pengukuhan tadbirurus pengurusan sumber geologi, memperkemaskan risiko komunikasi setempat dan selanjutkan menyokong pembangunan budaya berdaya daya tahan komuniti di peringkat setempat dalam menghadapi ancaman impak perubahan iklim yang ekstrim.

Berikut adalah objektif penubuhan RAKAN JMG:-

1. Menyediakan platform dan saluran rasmi kepada pihak-pihak berkepentingan, ketua-ketua komuniti, jawatankuasa peringkat komuniti, rakan strategik dan pihak-pihak berkepentingan (awam, swasta, NGO, akademia) dalam menyokong dan menterjemahkan agenda pengurusan sumber geologi, pengurangan risiko bencana dan penyebaran maklumat berkaitan geologi termasuk risiko bencana geologi.
2. Merangka dan melaksanakan program-program berimpak ke arah pengukuhan kapasiti RAKAN JMG terhadap sumber geologi dan risiko bencana geologi.
3. Menyalurkan maklumat sumber geologi dan risiko tempatan serta menyelaraskan sistem bantuan sokongan pelbagai peringkat dan keperluan termasuk pada situasi semasa, sebelum & selepas berlakunya bencana geologi.
4. Mempertingkatkan keupayaan dan kapasiti NGO, keterhubungan ahli-ahli sukarelawan dan komuniti terpilih yang bernaung di bawah RAKAN JMG.
5. Merancang dan melaksanakan program latihan berdasarkan pengurusan sumber geologi dan pengurangan risiko bencana geologi berdasarkan komuniti (CBDRM) secara bersistemik, berstruktur, dan bersasar dalam memartabatkan peranan dan sumbangan komuniti;
6. Memacu permodenan dan digitalisasi dalam pengukuhan kapasiti berterusan, kepakaran bersasar, operasi sokongan/bantuan, pembangunan komuniti berdaya tahan, memperkasakan sistem bantuan sokongan dan pengurusan sumber geologi dan risiko bencana bertunjangkan agenda kemanusian, keselamatan awam, dan kesejahteraan masyarakat di Malaysia.

3.0 TERMA RUJUKAN RAKAN JMG

1. Menyumbang idea baru, cadangan bersasar dan pembaharuan terhadap pembangunan polisi, strategi, tindakan dan program ke arah pemantapan RAKAN JMG dan sistem pengurusan bantuan sokongan sumber geologi dan risiko bencana geologi di Malaysia.
2. Menyediakan platform jaringan kerjasama, dialog dan wadah perkongsian di kalangan jaguh tempatan, NGO, dan pelbagai pihak berkepentingan (awam-swasta-akademia-NGO).
3. Melaksanakan program CBDRM berimpak menerusi model DRR YAN dan Geopark ke arah menyokong usaha memperluaskan skala dan impak pelaksanaan program.
4. Membangunkan dan mengemaskini profil penduduk setempat yang rentan dalam menghadapi risiko bencana geologi aliran puing dan bencana geologi lain.
5. Merancang dan mengkoordinasi program berimpak ke arah pembangunan kapasiti dan kepakaran dalam membantu pihak JMG, agensi-agensi dan pihak-pihak pemegang taruh lain.
6. Merancang dan melaksanakan program ke arah pembentukan komuniti berdaya tahan berasaskan agenda pembangunan sumber geologi dan pengurusan risiko bencana yang dipacukan oleh komuniti setempat.
7. Melaksanakan pembangunan modul pembelajaran dan pengajaran (*Training of Trainer, ToT*) bagi meningkatkan kapasiti RAKAN JMG ke arah mempromosikan sumber geologi dan kesiapsiagaan menghadapi risiko bencana, operasi penyaluran bantuan, pasca bencana, pemulihan dan pengukuhan daya tahan setempat.
8. Menterjemah polisi, strategi dan tindakan dalam usaha pengukuhan tadbir urus, operasi dan pengurusan jangka masa panjang RAKAN JMG ke arah memperkasa pembentukan dan pelaksanaan pelan pembangunan sumber geologi dan pengurusan risiko bencana geologi.
9. Memperkasakan NGO setempat dengan penglibatan pelbagai pihak pemegang taruh lain (awam-swasta-akademia) dalam pelaksanaan program dan aktiviti yang berimpak tinggi.
10. Menyelaras dan memudahcara urusan berkaitan pihak kerajaan, pelbagai pemegang taruh dan pihak-pihak kepentingan dalam usaha pengurusan sumber geologi yang lebih mampan, dan pengukuhan komuniti berdaya tahan terhadap pelbagai jenis bencana geologi.
11. Menetapkan skop bidang tugas dan peranan RAKAN JMG dalam kerja-kerja penyaluran maklumat awal, memberikan tindakan awal, dan penyelarasaran operasi bantuan mangsa bencana berdasarkan arahan dan koordinasi yang disampaikan oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) di peringkat daerah dan negeri.
12. Merancang dan melaksanakan program berimpak dan berkala ke arah pemantapan pengurusan sumber geologi, penyelarasaran operasi dan koordinasi misi-misi bantuan awam dengan lebih baik dan memperkuatkan aspek kesiapsiagaan menghadapi bahaya baru muncul, risiko sistemik dan bencana berganda.